



**TEKS UCAPAN
YBHG DATUK HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

MAJLIS PRA PELANCARAN

**Putrajaya International Islamic Arts and Culture Festival
(PIIACUF 2015)**

&

**Light and Motion Putrajaya
(LAMPU 2015)**

**DEWAN SERI MELATI, KOMPLEKS PPj
SELASA, 13 OKTOBER 2013,
3.00 PETANG**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Salam dan Selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan

Duta-Duta

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan

Naib-Naib Presiden Perbadanan Putrajaya

Rakan-rakan media

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

PENDAHULUAN

Setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dapat kita hadir bersama-sama di Majlis Pra Pelancaran **Putrajaya International Islamic Arts and Culture Festival (PIIACUF) 2015** dan **Light and Motion Putrajaya 2015 (LAMPU 2015)** di Perbadanan Putrajaya pada hari ini.

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan di atas kesudian YB Datuk Seri hadir serta menyempurnakan pra pelancaran PIIACUF dan LAMPU 2015 pada hari ini.

PENGISIAN FESTIVAL

1. Pada tahun ini, pihak Perbadanan Putrajaya memutuskan untuk menggabungkan PIIACUF dan LAMPU. Keputusan ini pasti

menggemirakan para pengunjung kerana mereka berpeluang menghadiri dua festival utama Putrajaya pada tarikh yang sama.

2. PIIACUF pada tahun ini menawarkan pameran-pameran menarik dan Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Muzium mengadakan pameran utama PIIACUF “Khazanah Jalan Sutera dan Laluan Rempah” yang bakal memberi ilmu pengetahuan kepada pengunjung mengenai pengaruh Islam dan pertukaran kebudayaan di laluan-laluan perdagangan ini
3. Pengisian lain termasuk
 - Pameran Hameyn, memaparkan fotografi kota suci Mekah dan Madinah semasa zaman Uthmaniah dibawa khas oleh Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA) di bawah naungan Organisation of Islamic Cooperation (OIC)
 - Pameran Kaligrafi, juga dibawa khas oleh IRCICA
 - Pameran Musyaf Al-Quran oleh Yayasan Restu
 - Dan Pameran Keris
4. Penyertaan negara-negara luar, jabatan dan agensi kerajaan dan pihak swasta tahun ini adalah memberangsangkan. Pihak dalam

dan luar negara yang mengambil bahagian adalah Turki, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Uzbekistan, Kuwait, Algeria, Iran, China, Tunisia, Malaysia diwakili Islamic Tourism Centre, negeri Kelantan dan Johor. Terima kasih saya ucapkan kepada negara-negara dan pihak yang terlibat.

5. Selain daripada itu, terdapat pavilion antarabangsa dan pengisian program lain seperti Pertunjukan Fesyen yang dibawa oleh pereka-pereka fesyen antarabangsa, Persembahan Kesenian daripada pelbagai negara, demo kraftangan, aktiviti kanak-kanak, souq dan Expo Buku Islam Antarabangsa.
6. Pada waktu malam pula acara ini diteruskan oleh Festival Light and Motion Putrajaya atau LAMPU bagi memeriahkan lagi suasana di sekitar Putrajaya.
7. Festival bertaraf antarabangsa, LAMPU diilhamkan untuk mengetengahkan elemen kemodenan dan kemajuan industri pencahayaan di Malaysia dan memartabatkan inisiatif pencahayaan bandar khususnya di Putrajaya yang lebih sistematik dan ideal di peringkat yang lebih tinggi.

8. Pengisian utama festival LAMPU 2015 terdiri daripada Pemetaan Bercahaya, Arca Bercahaya, Pencahayaan Taman, dan Gerbang Cahaya.

9. Pengisian lain iaitu program-program istimewa seperti
 - Tran Dance Performance
 - Buskers
 - Forum berkaitan pencahayaan
 - Kreativiti 3R Bercahaya
 - Permainan Pencahayaan Interaktif
 - Pameran Automotif Bercahaya
 - Kayuhan Basikal (Night Fun Ride); dan
 - Wayang Kulit dan Wayang Pacak

PAKEJ-PAKEJ PELANCONGAN SEMPENA PIIACUF DAN LAMPU

10. Sempena PIIACUF dan LAMPU pada tahun ini, Perbadanan Putrajaya telah berkolaborasi dengan Tourism Malaysia dan agensi-agensi pelancongan bagi membangunkan 16 pakej-pakej pelancongan khas bagi kedua-dua acara.

11. Dengan kerjasama Tourism Malaysia, Perbadanan Putrajaya akan mempromosikan PIIACUF dan LAMPU dengan bas Hop On Hop Off yang akan bergerak ke Kuala Lumpur, Bangi, Seremban dan Melaka.

12. Pihak Perbadanan Putrajaya juga telah bekerjasama dengan Tourism Malaysia untuk mengendalikan Mega Fam yang akan membawa diantara 20 hingga 30 *industry player* dari luar negara untuk melawat PIIACUF dan LAMPU sekaligus membuat perancangan untuk mempackagekan festival-festival ini untuk penganjuran tahun 2016 kelak.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA PESERTA

13. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan festival-festival ini. Kedutaan-kedutaan yang terlibat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Tourism Malaysia, Jabatan Muzium, Balai Seni Visual Negara, Arkib Negara, Perpustakaan Negara, Persatuan Seni Khat Kebangsaan, Yayasan Restu dan Sinergi Ilmu. Insya Allah sumbangan semua dapat menaikkan nama Putrajaya di persada dunia dan menjadikan negara Malaysia lebih dikenali dan dihormati.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.